



## SIARAN MEDIA

### **LTAT Sambut Baik Belanjawan 2025: Memperkukuh Ketahanan Ekonomi dan Jaminan Kewangan untuk Angkatan Tentera Malaysia**

**KUALA LUMPUR, 18 OKTOBER 2024** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menyambut baik pengumuman Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang bertemakan 'Ekonomi Madani – Negara Makmur, Rakyat Sejahtera'.

Belanjawan 2025 memberikan tumpuan kepada usaha mengangkat daya saing Negara, mempromosikan pertumbuhan yang inklusif, serta melonjakkan tadbir urus. Fokus ini seiring dengan komitmen LTAT dalam mencipta nilai jangka panjang untuk negara. Dengan peruntukan sebanyak RM440 bilion kepada pasaran modal domestik dan RM120 bilion untuk pelaburan langsung domestik melalui ikhtiar GEAR-uP, LTAT bersedia merebut peluang baharu untuk menyumbang secara signifikan kepada kemampanan ekonomi negara.

Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md Radzi, menyatakan: "LTAT dan Kumpulan Syarikat kami beriltizam sepenuhnya untuk menyokong aspirasi Belanjawan 2025. Sebagai pelabur institusi strategik, fokus kami adalah seiring dengan kepentingan nasional dan matlamat pembangunan utama, disamping memastikan masa depan yang lebih makmur untuk para perwira negara kita. Belanjawan yang progresif ini meletakkan asas kukuh bagi kemajuan ekonomi Malaysia, dan kami komited untuk memainkan peranan penting dalam mencerna hasil yang positif. Kami optimis bahawa belanjawan ini akan mempercepatkan momentum ekonomi, mempromosikan pembangunan mampan, dan menyediakan ekosistem yang kondusif untuk pelaburan."

Beliau turut menambah: "Melalui pelaburan strategik kami, LTAT berhasrat mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan kritikal yang diimport. Pengeluaran insulin dan vaksin halal tempatan oleh Pharmaniaga, sebagai contoh, merupakan langkah penting dalam memperkukuh infrastruktur kesihatan negara. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada import serta memastikan akses yang lebih luas kepada penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan mampu milik untuk semua rakyat Malaysia, selaras dengan Belanjawan 2025."

Mohammad Ashraf turut memberi jaminan bahawa "LTAT akan terus menghargai pengorbanan angkatan tentera kita melalui pelaburan yang bijak. Ini bagi memastikan kelestarian kewangan para veteran serta pertumbuhan mampan bagi kesejahteraan ahli-ahli kami dan generasi akan datang."

LTAT akan terus memastikan kerja keras dan pengorbanan anggota tentera kita diiktiraf melalui strategi pelaburan yang berkesan dan memberi nilai jangka panjang.

**-TAMAT-**

**Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)